

Anwar ajak pelabur Jerman, Eropah jalin kerjasama

Malaysia ada kelebihan jadi pintu masuk ke pasaran ASEAN

Daripada Najmuddin Najib
bhnews@bh.com.my

di Jerman



Berlin: Malaysia berada pada kedudukan yang strategik untuk menjadi hab kepada firma dari Jerman dan Eropah menerokai pasaran ASEAN dan China yang lebih besar, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Untuk itu, Perdana Menteri mempelawa firma Jerman serta komuniti perniagaan dari Eropah untuk melabur dan menjalin kerjasama dengan Malaysia yang juga sebuah negara dinamik, strategik dan pesat berkembang.

Beliau berkata, Malaysia mempunyai tenaga buruh mahir, infrastruktur moden, persekitaran kawal selia yang jelas dan potensi pertumbuhan yang besar.

"Kami adalah sebuah ekonomi dinamik yang sesuai dan menepati abad ke-21, malah rakan kongsi yang sempurna untuk firma Jerman.

"Rantau ASEAN dijangka muncul sebagai ekonomi kelima terbesar dunia menjelang 2030. Rantau ini turut menyediakan peluang bagi pertumbuhan yang eksponen," katanya ketika menyampaikan ucapan pada acara SME Future Day 2024 (Mittelstand) khusus untuk kalangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di sini, semalam.

Anwar ketika ini dalam rangka lawatan rasmi enam hari ke Jerman yang juga negara ekonomi ketiga terbesar dunia, turut mengetengahkan kelebihan Malaysia sebagai pintu masuk strategik untuk Jerman ke pasaran ASEAN yang lebih besar.

Sejak sedekad lalu, Jerman kekal sebagai rakan dagang utama Malaysia di Kesatuan Eropah (EU) dan Malaysia adalah rakan dagang terbesar negara itu di Asia Tenggara.

Perdagangan dua hala melonjak sebegitu ketara pada purata tahunan sebanyak 5.2 peratus,



Anwar bersalam dengan Naib Canselor Jerman merangkap Menteri Hal Ehwal Ekonomi dan Tindakan Iklim, Robert Habeck ketika mengadakan pertemuan di Berlin, semalam. (Foto BERNAMA)

manakala Malaysia terus menjadi destinasi menarik bagi pelaburan langsung asing (FDI) dengan syarikat Jerman melabur 8.5 bilion Euro pada 2023.

Jerman ialah rakan dagangan terbesar Malaysia dalam Kesatuan Eropah (EU), dengan nilai dagangan hampir AS\$14 bilion.

Jumlah pelaburan dalam projek pembuatan berjumlah AS\$14 bilion, membabitkan syarikat seperti Infineon, B. Braun, Osram dan Bosch, mewujudkan lebih 70,000 pekerjaan.

Anwar turut mengetengahkan manfaat yang boleh diraih pelabur asing daripada pelbagai usaha dilaksanakan kerajaan bagi memudah cara menjalankan perniagaan.

Pada sesi pertemuan dengan komuniti perniagaan dan pelabur Jerman, Anwar memaklumkan kepada mereka mengenai kedudukan Malaysia sebagai pintu masuk kepada ekosistem halal dan ekonomi digital.

Sejajar usaha Jerman yang berhasrat menembusi pasaran halal, beliau berkata Malaysia selaku peneraju dalam industri bernilai berbilion dolar, adalah rakan kongsi yang ideal dengan menawarkan kepakaran, infrastruktur dan rangka kerja kawal selia halal yang mantap.

Perdana Menteri berkata, Malaysia dan Jerman serta ekonomi masing-masing dibangunkan pada asas sama iaitu bersandarkan PKS, walaupun saiz sektor PKS Jerman jauh lebih besar.

Perdana Menteri berkata, pada

masa ini, ada lebih 700 syarikat Jerman beroperasi di Malaysia, termasuk firma terkemuka seperti Siemens, Infineon serta Volkswagen.

Anwar berkata, firma Jerman boleh bekerjasama dengan Malaysia dalam membangunkan tenaga boleh diperbaharui.

Beliau turut mengambil peluang dengan mempromosikan Malaysia sebagai hab pelancongan dan mengetengahkan keunikan negara ini yang kaya dengan hutan serta pantai.

Selain menggalakkan PKS untuk menerima inisiatif hijau, termasuk amalan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG), Anwar berkata kerajaan turut melonjakkan ekonomi digital dengan tumpuan khusus bagi menggalakkan teknologi digital kepada PKS bagi meningkatkan pertumbuhan eksport.

Sebanyak enam syarikat Malaysia menerusi Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, menyertai pameran dalam acara itu di sini.

Sementara itu, Malaysia sedang mengambil langkah memulakan usaha bagi mempertingkatkan semula Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) Malaysia dan Kesatuan Eropah (MEUFTA) yang tertangguh pada 2012.

MEUFTA adalah antara isu yang dibincangkan di antara Perdana Menteri dan Naib Canselor Jerman yang juga Menteri Hal Ehwal Ekonomi dan Tindakan Iklim, Robert Habeck, dalam pertemuan mereka di luar acara tahunan SME Future Day 2024 (Mittelstand) di sini, semalam.